



PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2014

PENGURUSAN AKAUN AMANAH

**PEJABAT BENDAHARI
13 FEBRUARI 2014**

Ruj. Kami: UTM.J.03/10.12/3 Jld. 3 (16)

Tarikh : 13/ 02/ 2014

Timbalan Naib Canselor (A & A)
Timbalan Naib Canselor (P & I)
Timbalan Naib Canselor (HEMA & Alumni)
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Dekan/Pengarah
Ketua Bahagian/Jabatan
Universiti Teknologi Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2014

PENGURUSAN AKAUN AMANAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) tentang pengemaskinian dan penguatkuasaan Polisi Pengurusan Akaun Amanah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) setelah mendapat kelulusan dan perakuan Jawatankuasa Kewangan Universiti Bil 1/2013.

2.0 PENGURUSAN AKAUN AMANAH

Akaun Amanah boleh ditubuhkan berasaskan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 39 & 40 Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan 2009).

Secara konsep, akaun amanah merupakan akaun dalam sistem kewangan Universiti yang diwujudkan untuk menyimpan semua wang yang diterima bagi sesuatu maksud amanah yang nyata dan jelas dan memastikan kawalan dilakukan dengan sebaik mungkin supaya memenuhi matlamat penubuhannya.

1.1 Definisi

(a) Kumpulan Wang Amanah

Semua wang dan harta yang diterima daripada pihak-pihak tertentu tertakluk kepada maksud amanah dan digunakan mengikut terma-terma amanah. Perbelanjaan kumpulan wang ini adalah berasaskan tunai yang diterima.

(b) Surat Arahan Akaun Amanah

Arahan bagi Akaun Amanah berkenaan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Kewangan Universiti.

Merupakan satu perjanjian diantara Jawatankuasa pemegang amanah dan pihak Universiti yang perlu dipatuhi.

(c) Jawatankuasa Pemegang Amanah

Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi setiap Akaun Amanah yang dibuka untuk tujuan mengawasi pelaksanaan aktiviti di bawah Akaun Amanah berkenaan.

(d) Laporan Lejar Pejabat Bendahari

Laporan yang dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari menerusi Sistem Kewangan Universiti yang mengandungi semua urusan niaga yang diperakunkan oleh Pejabat Bendahari.

(e) Jenis-jenis kategori Akaun Amanah

(i) Akaun Amanah Penyelidikan

Akaun dalam sistem kewangan Universiti yang diwujudkan untuk menyimpan dan merekodkan semua transaksi kewangan bagi tujuan penyelidikan dibawah seliaan Pusat Penyelidikan Universiti.

(ii) Akaun Amanah Pelajar

Akaun dalam sistem kewangan Universiti yang diwujudkan untuk menyimpan dan merekodkan semua transaksi kewangan bagi tujuan aktiviti, kebajikan dan pembangunan pelajar.

(iii) Akaun Amanah *Research Alliance* & Pusat Kecemerlangan

Akaun dalam sistem kewangan Universiti yang diwujudkan untuk menyimpan dan merekodkan semua transaksi kewangan bagi tujuan operasi *Research Alliance* dan Pusat Kecemerlangan Universiti.

(iv) Akaun Amanah Program Akademik

Akaun dalam sistem kewangan Universiti yang diwujudkan untuk menyimpan dan merekodkan semua transaksi kewangan bagi tujuan aktiviti Program Akademik Universiti.

(v) Akaun Amanah Endowmen

Akaun dalam sistem kewangan Universiti yang diwujudkan untuk menyimpan dan merekodkan semua transaksi kewangan bagi tujuan endowmen.

(vi) Akaun Amanah Kolej/Rumah Tamu

Akaun dalam sistem kewangan Universiti yang diwujudkan untuk menyimpan dan merekodkan semua transaksi kewangan bagi tujuan aktiviti dan pentadbiran Kolej/Rumah Tamu.

(vii) Akaun Amanah Perundingan

Akaun dalam sistem kewangan Universiti yang diwujudkan untuk menyimpan dan merekodkan semua transaksi kewangan bagi tujuan perundingan.

(viii) Akaun Amanah Pinjaman Staf

Akaun dalam sistem kewangan Universiti yang diwujudkan untuk menyimpan semua wang yang diluluskan bagi tujuan pinjaman komputer dan kenderaan.

(ix) Akaun Amanah Pinjaman Pelajar

Akaun dalam Sistem Kewangan Universiti yang diwujudkan untuk menyimpan semua wang yang diterima bagi tujuan pinjaman pelajar.